

'Kerjasama PH-BN wajar diteruskan demi kestabilan politik'

Bukit Mertajam: Kerjasama di antara Pakatan Harapan (PH) dan Barisan Nasional (BN) wajar diteruskan pada pilihan raya akan datang berikutan kestabilan politik yang dinikmati negara ketika ini, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau berkata, dalam situasi sekarang sukar untuk mana-ma-

na parti politik menguasai majoriti yang selesa dan Malaysia sejak dua tahun lalu dianggap sebagai antara negara paling stabil di rantau ini.

"Ini yang menyebabkan apabila kita mohon untuk menyertai BRICS, dalam kalangan 30 negara yang memohon, Malaysia adalah antara yang paling mudah diterima oleh negara asal BRI-

CS," katanya.

Anwar berkata, kestabilan itu juga menyebabkan Malaysia berupaya memiliki dasar yang jelas dari segi pelan digital, semikonduktor, transisi tenaga dan sebagainya.

Beliau berkata, dasar berkenaan pula disokong oleh pentadbiran yang efisien dengan pelantikan Ketua Setiausaha Negara

baharu, yang mahukan perubahan dalam kalangan penjawat awam.

"Kalau ini dipersetujui dan kita muafakat dalam Jemaah Menteri, saya fikir wajar untuk kita cari jalan teruskan kerjasama PH dan BN," katanya pada program Temu Anwar Generasi Ada Idea (Gen-AI) di tapak Parkir Gravitas Jalan Baru Prai, Pulau Pinang.

Turut hadir, Timbalan Menteri Komunikasi, Teo Nie Ching; Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi, Datuk Mohamad Fauzi Md Isa; Timbalan Ketua Menteri I Pulau Pinang, Datuk Dr Mohamad Abdul Hamid serta Pengerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia, Tan Sri Mohamad Salim Fateh Din.

BERNAMA